

Rafidah kena jawab – PM

Ulm - 8/7/2005

Oleh JOHARDY IBRAHIM

KUALA LUMPUR 7 Julai – Kabinet mengarahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menjawab secara bertulis kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu Proton, pengeluaran Permit Import (AP) dan sebagainya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu pemberita di sini hari ini bahawa Rafidah “perlu menjawab kerana isu-isu itu adalah berkenaan kementerian beliau”.

Selasa lalu, Dr. Mahathir selaku Penasihat Proton berkata, wujud pengeluaran AP tahun 2004 yang ‘tidak seimbang’ kepada segelintir syarikat, dasar automotif kerajaan dan juga kemasyarakatan kereta-kereta asing pada harga yang amat rendah hingga mengurangkan daya saing kereta nasional, selain menjawab kritikan Rafidah terhadapnya.

Abdullah berkata, Kabinet telah bertanya banyak perkara, termasuk isu pengeluaran AP tetapi Rafidah akan menyediakan maklumat lanjut mengenai isu-isu berkenaan.

Ditanya sama ada nama pemegang AP akan didedahkan, Perdana Menteri berkata, Kabinet

mahu menunggu sehingga semua butir-butir diperoleh.

“Tetapi untuk sementara waktu ini, kita masih berpegang dengan dasar untuk tidak mendedahkannya,” kata beliau.

Ditanya pandangannya mengenai isu Proton, Abdullah berkata, Proton memiliki pendapat mereka sendiri dalam pelbagai perkara dalam syarikat.

Tetapi, kata Perdana Menteri, beliau percaya, Khazanah (pemegang saham dalam Proton) juga mempunyai maklumat mengenainya.

“(Saya yakin) kedua-dua pihak akan menyelesaikannya,” ujar beliau.

Menurut Abdullah: “Perkara paling penting yang saya mahu nyatakan ialah Proton adalah kereta kita.

“Kita mahu Proton berjaya. Saya telah kerap menyatakan perkara ini.”

Malah, ujar Perdana Menteri lagi, semasa lawatannya ke kilang Proton di Tanjung Malim, jelas ia adalah sebuah kilang moden yang dilengkapi teknologi terkini untuk mengeluarkan kereta.

“Dan kita perlu bekerja keras untuk menjadi berdaya saing dengan memastikan kereta Pro-

ton berkualiti tinggi dan berharga munasabah. Ini tentunya memerlukan banyak usaha bagi Proton untuk laksanakan,” katanya.

Abdullah berkata, industri motor negara adalah satu industri yang baru dibandingkan dengan industri motor di negeri-negeri lain.

“Benar, kita telah melindungi Proton. Tetapi perlindungan itu mestilah dikurangkan dari semasa ke semasa. Inilah perkara betul yang perlu dilakukan.

“Ini adalah penting dan semasa kita mengurangkan perlindungan kepada Proton, syarikat itu hendaklah menambahkan kualiti, mutu keretanya dan kemampuannya untuk bersaing dengan kereta-kereta lain.

“Ini adalah satu objektif yang kita ikuti selama ini,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Kabinet semalam, turut menerima satu kertas mengenai dasar automotif negara.

“Kabinet memutuskan bahawa kita tidak akan membuat keputusan semalam kerana kita perlu membuat kajian lanjut,” katanya.

Abdullah berkata, Kabinet akan membentangkan perkara itu pada mesyuarat lain untuk membuat keputusan.